



## GARIS PANDUAN LAPORAN



# ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH 2024

## TEMA

**“KOPERASI SEKOLAH PEMANGKIN GENERASI MADANI”**

## TEMPOH PENGLIBATAN

**1 JANUARI 2020 – 31 OGOS 2024**

## ANJURAN

**UNIT SEKOLAH,  
SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA  
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR  
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI  
ANGKASA**

## PENGENALAN

Program Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) diasaskan oleh Yang Mulia Almarhum Prof. Diraja Ungku A. Aziz, mantan Yang Dipertua ANGKASA. PKS telah dijenamakan semula kepada *Inter School Cooperative Tourism of ANGKASA (coopistac)* mengekalkan konsep asal dengan membuat beberapa penambahbaikan supaya program ini sentiasa segar, berinovasi dan menarik minat murid/pelajar untuk terlibat secara lebih menyeluruh.

Aktiviti PKS telah dirangka dan dilaksanakan adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu bagi membentuk kemahiran merancang, mengurus dan melaksanakan projek dalam kalangan murid/pelajar. Oleh itu, bagi merencanakan lagi proses pembelajaran secara praktikal ini, Unit Sekolah, Seksyen Sekolah, IPT & Belia ANGKASA mengambil inisiatif menyediakan garis panduan Anugerah Ikon Koperasi Muda PKS (*coopistac*) ini untuk mengenalpasti Ikon PKS yang boleh dijadikan model kepada anggota koperasi sekolah dalam kalangan murid.

## OBJEKTIF ANUGERAH

- a) Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada koperator murid/pelajar yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam aktiviti PKS.
- b) Menggalakan penglibatan lebih ramai murid/pelajar dalam aktiviti PKS dan menonjolkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi dan agensi.
- c) Mengangkat peranan koperator muda dalam agenda pendidikan negara melalui koperasi sekolah.

## PENYERTAAN

- a) Terbuka kepada semua koperator (murid/pelajar) koperasi sekolah (ahli ANGKASA) yang **terlibat dalam aktiviti PKS**.
- b) Setiap koperasi sekolah boleh menghantar maksimum 2 (dua) pencalonan dan calon dikehendaki untuk mengisi borang percalonan seperti **dilampiran 1**.

## TARIKH CADANGAN PELAKSANAAN

- a) Tempoh penglibatan: **1 Januari 2020– 31 Ogos 2024**
- b) Tarikh akhir penghantaran laporan pencalonan: **10 September 2024 (Selasa)**
- c) Tarikh temuduga/pembentangan laporan : **23–27 Oktober 2024**
- d) Tarikh anugerah peringkat kebangsaan (cadangan): **13-15 Disember 2024**

## LAPORAN PENUH PENCALONAN

Laporan penglibatan calon dibahagikan kepada **11 bahagian** iaitu:

- Bahagian A: Biodata calon (1%)
- Bahagian B: Pencapaian akademik (2%)
- Bahagian C: Penglibatan dalam aktiviti PKS (30%)
- Bahagian D: Kreativiti dan inovasi dalam pelaksanaan PKS (10%)
- Bahagian E: Penyertaan dalam kursus pelancongan anjuran agensi (6%)
- Bahagian F: Kajian pelaksanaan aktiviti PKS oleh calon (10%)
- Bahagian G: Jawatan dalam setiap projek PKS (10%)
- Bahagian H: Penglibatan dalam lain-lain Aktiviti kokurikulum (10%)
- Bahagian I: Penilaian sahsiah diri (10%)
- Bahagian J: Penerimaan pengiktirafan, penghargaan dan pencapaian (10%)
- Bahagian K: Motto kejayaan (1%)

### 1.0 BAHAGIAN A : BIODATA CALON

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berikut:

- 1.1 Nama Penuh
- 1.2 No. Kad Pengenalan
- 1.3 Alamat Rumah
- 1.4 Jantina
- 1.5 Umur
- 1.6 Warganegara
- 1.7 Bangsa
- 1.8 Agama
- 1.9 No. Telefon murid/pelajar
- 1.10 Alamat Email murid/pelajar

### 2.0 BAHAGIAN B: PENCAPAIAN AKADEMIK

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berkaitan latar belakang pendidikan dan melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan:

- 2.1 Nama Sekolah, Nama Peperiksaan dan Keputusan Peperiksaan
- 2.2 Nama Sijil-sijil lain (selain peperiksaan utama)

### **3.0 BAHAGIAN C: PENGLIBATAN DALAM PERLAKSANAAN AKTIVITI PKS**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dalam aktiviti PKS yang pernah diceburi serta melampirkan **salinan sijil atau dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar. Calon dikehendaki menyatakan dengan jelas **nama tamu, tarikh menerima tamu dan peranan** dalam pelaksanaan projek lawatan tersebut.

### **4.0 BAHAGIAN D: KREATIVITI ATAU INOVASI**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan idea kreativiti atau inovasi yang telah dilaksanakan dalam program/aktiviti PKS serta **melampirkan bukti bergambar dan keterangan** bagi setiap aktiviti/program tersebut.

### **5.0 BAHAGIAN E: PENYERTAAN DALAM KURSUS ANJURAN PELANCONGAN ANJURAN AGENSI**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua kursus anjuran ANGKASA, SKM dan IKMa yang pernah dihadiri dan **melampirkan salinan sijil penyertaan sebagai bukti pengesahan** penyertaan murid/pelajar. Sila nyatakan:

- 5.1 Nama Kursus
- 5.2 Tarikh Kursus
- 5.3 Impak Kursus

### **6.0 BAHAGIAN F: KAJIAN PELAKSANAAN AKTIVITI PKS OLEH CALON**

Calon diminta untuk menyatakan kajian yang telah dijalankan untuk pelaksanaan Aktiviti/program PKS.

- 6.1 Bentuk kajian
- 6.2 Keterangan
- 6.3 Pengesahan dari guru penyelarass PKS

### **7.0 BAHAGIAN G: JAWATAN DALAM SETIAP PROJEK PKS**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan jawatan yang disandang bagi setiap projek lawatan PKS (**maksimum 5 projek lawatan**) dengan melampirkan **salinan sijil atau dokumen** pelantikan sebagai bukti pengesahan.

## 8.0 BAHAGIAN H: PENGLIBATAN DALAM LAIN-LAIN AKTIVITI KOKURIKULUM

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dalam aktiviti kokurikulum (**selain koperasi**) yang pernah diceburi serta **melampirkan salinan sijil atau dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- 8.1 Peringkat Sekolah
- 8.2 Peringkat Daerah
- 8.3 Peringkat Bahagian
- 8.4 Peringkat Zon
- 8.5 Peringkat Negeri
- 8.6 Peringkat Kebangsaan
- 8.7 Peringkat Antarabangsa

## 9.0 BAHAGIAN I : PENILAIAN SAHSIAH DIRI

Calon akan dinilai kepada rekod unit disiplin dan bimbingan & kaunseling merangkumi aspek:

- 9.1 Kelakuan
- 9.2 Sosial
- 9.3 Keterampilan
- 9.4 Kelompok dalam kelas

**Nota:** Walaubagaimanapun kelayakan calon boleh digugurkan mengikut keutamaan hierarki demerit seperti tingkah laku jenayah, lucah, kurang sopan atau biadap, vandalisma, tidak jujur dan kurang mementingkan pelajaran.

## 10.0 BAHAGIAN J: PENERIMAAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Calon diminta untuk menyenaraikan semua pengiktirafan yang pernah diterima (**jika ada**) dan **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen sebagai bukti pengesahan** pengiktirafan berkenaan. Pengiktirafan boleh dipecahkan kepada tujuh (7) peringkat seperti berikut:

- 10.1 Peringkat Sekolah
- 10.2 Peringkat Daerah
- 10.3 Peringkat Bahagian
- 10.4 Peringkat Zon
- 10.5 Peringkat Negeri
- 10.6 Peringkat Kebangsaan

## 10.7 Peringkat Antarabangsa

### 11.0 BAHAGIAN I: MOTTO KEJAYAAN

Calon dikehendaki untuk menulis **motto kejayaan** sebagai motivasi kepada diri calon dan koperator murid/pelajar yang lain. **Contoh motto “Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya”**. Motto kejayaan ini hendaklah ringkas dan padat.

### PENILAIAN ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PKS

Calon akan dinilai berdasarkan format mengikut bahagian diatas. Peratusan markah yang dipaparkan adalah sebagai ilustrasi kepada setiap calon berdasarkan pemberat setiap bahagian. Walau bagaimanapun **peratusan markah ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut ketetapan Jawatankuasa Penilai**. Proses penilaian akan melalui tapisan tiga **(3) peringkat** iaitu:

- a) **Peringkat tapisan iaitu** Laporan Anugerah Ikon Koperator Muda PKS 2024 akan dinilai oleh **ANGKASA**.
- b) **Temuduga** calon Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah 2024 oleh panel juri.
- c) **Pembentangan** oleh calon yang telah disenarai pendek ke Pringkat Kebangsaan Anugerah Ikon Koperator Muda PKS 2024.

### PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Ikon Koperator Muda PKS 2024 bolehlah diutarakan kepada Unit Sekolah, Seksyen Sekolah, IPT & Belia, ANGKASA di talian : **03-7454 8249 / 03-7454 8265**.

### PANDUAN MELENGKAPKAN BORANG PENYERTAAN

- a) Calon-calun juga perlu melengkapkan **“Google Forms”** dan disertakan dengan link/pautan laporan pencalonan yang telah dikongsikan dengan [ssib.angkasa@gmail.com](mailto:ssib.angkasa@gmail.com) sebagai sokongan (backup). Pautan **“Google Forms”** Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah 2024 boleh didapati di <https://bit.ly/IKONPKS2024> atau menerusi kod QR dibawah:



- b) Setiap pengiktirafan atau kejayaan hendaklah **dilampirkan dengan bukti sijil atau gambar piala/pingat/plak.**
- c) **Laporan harus dicetak (hardcopy)** dan hendaklah diserahkan kepada pihak **Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor** seperti alamat di bawah **pada atau sebelum 10 September 2024 (Selasa), Jam 4.30 petang.**
- d) Laporan yang dihantar selepas daripada tarikh dan masa di atas **tidak akan dinilai.** Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan penghantaran laporan pencalonan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri dan lain-lain agensi.

#### **HADIAH ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PKS PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

Hadiah berupa trofi, wang tunai, sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

#### **KATEGORI HADIAH ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PKS PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

Kategori Hadiah Ikon Koperator Muda PKS adalah bergantung kepada keputusan ANGKASA.

#### **HAL-HAL LAIN**

- a) Sijil Penyertaan Ikon Koperator Muda PKS 2024 akan diberikan kepada semua koperator (murid/pelajar) yang telah **menghantar laporan pencalonan.**
- b) Koperasi sekolah dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Unit Pelancongan Koperasi Sekolah dan Hubungan Luar Bahagian Sekolah ANGKASA sekiranya laporan pencalonan telah dihantar.
- c) Tarikh yang dinyatakan dalam garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- d) Segala keputusan Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD. Sebarang bantahan tidak akan diterima.**
- e) **Maklumat dan dokumen yang dihantar akan menjadi** hak milik ANGKASA sepenuhnya.
- f) Laporan pencalonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**  
**WISMA UNGKU A. AZIZ, JALAN SS 6/3,**  
**KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA,**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
(U/P: Unit Sekolah, Seksyen Sekolah, Ipt & Belia)

**No. Telefon: 03-7454 8249 / 03-7454 8265**

**Laman web: [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)**

**Email : [ssib@gmail.com](mailto:ssib@gmail.com)**

**Pegawai-Pegawai**

Unit Sekolah (Use)

Untuk dihubungi seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO TEL BIMBIT</b>	<b>EMAIL</b>
1	En. Hasbullah bin Hamdin	012-242 7233	<a href="mailto:ssib.angkasa@gmail.com">ssib.angkasa@gmail.com</a>
2	En. Muhammad Hafifi bin Hamdan	012-464 6231	
3	Cik. Noor Azlina binti Sharif	017-652 5924	
4	En. Samsul bin Sarraji	019-407 9410	
5	Cik Siti Nadratun Farhana binti Mohd Hatta	017-277 9916	